

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 7 NOVEMBER 2015 (SABTU)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Standard alat vape akan dikaji – MOSTI	Astro Awani.com
2.	MOSTI akan kaji peranti vape dan e-rokok	The Rakyat Post
3.	Sabah tuan rumah Konvensyen Permukimam Pensijilan orang ASEAN pertama	BERNAMA



Standard alat vape akan dikaji – MOSTI



KUALA LUMPUR: Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi (MOSTI) akan mengkaji keperluan untuk membangunkan satu standard bagi vape dan e-rokok.

Menterinya, Datuk Seri Panglima Madius Tangau berkata ada agensi di bawah kementeriannya yang berkeupayaan menjalankan ujian keselamatan tersebut.

Dalam satu kenyataan hari ini, Madius berkata agensi di bawah MOSTI iaitu SIRIM melalui anak syarikatnya SIRIM QAS International berkeupayaan menjalankan beberapa jenis ujian ke atas ciri keselamatan alatan vape dan e-rokok.

Madius berkata bagi alat jenis vape, ujian keselamatan boleh dijalankan ke atas bateri ion litium yang digunakan tertakluk di bawah ujian IEC62133.

"Ujian itu meliputi beberapa perkara termasuk ujian altitud, kitaran terma, getaran, hentakan mekanikal, litar pintas luaran, ujian hancur, dan discas paksaan.

"Bagi setiap ujian, hasilnya adalah untuk memastikan tidak berlaku litar pintas, letupan, kebakaran, kebocoran ataupun pecah," tambah Madius.

Selain itu, menurut Madius, bagi alat jenis e-rokok, peralatan jenis ini kebiasaannya menggunakan pengecas biasa ataupun penyesuai (adaptor) yang tertakluk di bawah standard peralatan elektrik MS: MS IEC 60335-1: 2013 dan MS IEC 60335-2-29:2005.

Beliau juga berkata bagi keselamatan e-liquid iaitu cecair yang terkandung di dalam e-rokok, satu standard perlu dikenal pasti atau dibangunkan sebelum pengujian atau pensijilan boleh dilaksanakan.

"Ujian boleh dilakukan oleh SIRIM QAS International ke atas E-liquid bagi mengenalpasti kehadiran logam berat seperti bahan pencemar logam (metal

contaminants), bahan berbahaya (harmful substances) dan kandungan karsinogenik (carcinogenic content)," kata Madius.

Dalam kenyataan yang sama, Madius juga mengajak pengeluar atau pengedar alat vape dan e-cigarette untuk mengambil bahagian secara sukarela dalam menjalani ujian-ujian berkenaan ke atas peralatan jualan mereka.

The Rakyat Post™

MOSTI akan kaji peranti vape dan e-rokok



Bagi peranti vape, pengujian keselamatan boleh dijalankan ke atas bateri Ion Litium yang digunakan yang tertakluk di bawah ujian IEC 62133. Foto fail TRP

KUALA LUMPUR, 7 November: **Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Madius Tangau** berkata pihaknya akan mengkaji keperluan untuk membangunkan sebuah standard berhubung vape dan rokok elektronik (e-rokok) berikutan isu keselamatan peranti berkenaan yang dibangkitkan orang ramai sekarang.

Menurutnya, agensi di bawah kementerian berkenaan iaitu **SIRIM** melalui anak syarikatnya, SIRIM QAS International berkeupayaan untuk menjalankan beberapa jenis pengujian ke atas ciri-ciri keselamatan alat-alat berkenaan.

Jelasnya, bagi peranti vape, pengujian keselamatan boleh dijalankan ke atas bateri Ion Litium yang digunakan yang tertakluk di bawah ujian IEC 62133.

“Antara ujian yang boleh dijalankan ialah ujian altitud iaitu bateri disimpan dalam tekanan 11.6kPa atau kurang untuk sekurang-kurangnya 6 jam, pengecasan luar biasa, jatuh bebas, salah guna terma dan lain-lain.

“Ujian berkenaan adalah untuk memastikan tidak berlaku litar pintas, letupan, kebakaran, kebocoran ataupun pecah.

“Manakala bagi peranti e-rokok, ia kebiasaannya menggunakan pengecas biasa ataupun penyesuai (adaptor) yang tertakluk di bawah standard MS: MS IEC 60335-1: 2013 dan MS IEC 60335-2-29:2005,” katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Tambah Madius, bagi keselamatan ‘e-liquid’ iaitu cecair yang terkandung di dalam e-rokok, satu standard perlu dikenalpasti atau dibangunkan sebelum pengujian atau pensijilan boleh dilaksanakan.

Bagaimanapun jelasnya, ujian boleh dilakukan oleh SIRIM QAS International ke atas ‘e-liquid’ bagi mengenalpasti kehadiran logam berat seperti bahan pencemar logam, bahan berbahaya dan kandungan karsinogenik.

“Sehubungan itu, pengeluar atau pengedar alat Vape dan E-Cigarette boleh tampil secara sukarela untuk menjalani ujian-ujian berkenaan ke atas peralatan jualan mereka,” tegasnya.

Read more: <http://bm.therakyatpost.com/berita/2015/11/07/mosti-akan-kaji-peranti-vape-dan-e-rokok/#ixzz3qxDbma57>



Sabah Tuan Rumah Konvensyen Permukiman Pensijilan Orang ASEAN Pertama

KOTA KINABALU, 6 Nov (Bernama) -- Sabah akan menjadi tuan rumah Konvensyen Pemukiman Pensijilan Orang ISO/IEC17204 ASEAN pertama mulai 25 Nov.

Pengerusi Lembaga Pelancongan Sabah (STB) Datuk Joniston Bangkuai berkata konvensyen tiga hari itu dijangka dihadiri kira-kira 150 anggota perwakilan dari negara anggota ASEAN.

Ia dianjurkan bersama oleh Biro Pensijilan Orang Antarabangsa (IPEC), sebuah pertubuhan pembinaan modal insan, dan [Jabatan Standard Malaysia](#).

"STB bangga kerana menjadi sebahagian daripada acara sangat bermakna ini dalam memberi penghormatan kepada semua negara anggota ASEAN, yang begitu tekun memanfaatkan potensi kempen 'Made in ASEAN' secara global," katanya pada sidang akhbar di sini hari ini.

Beliau berkata pensijilan standard antarabangsa boleh menjadi pemacu utama dalam usaha mewujudkan kesedaran pelancongan daripada perkhidmatan yang disediakan penggiat industri sebagai langkah ke arah meningkatkan standard dan kelayakan tenaga kerja dalam bidang pelancongan.

"Ini suatu idea baik yang boleh membantu melonjakkan sumber manusia kita ke tahap lebih tinggi serta menyediakan peluang yang amat baik untuk bertukar-tukar pendapat dan mengukuhkan hubungan dalam kalangan para pengawal selia dari negara anggota ASEAN," katanya.

Sementara itu, ketua pegawai eksekutif Biro IPEC Dr Juliana Lim berkata konvensyen itu akan memberi fokus kepada pembentukan Aturan Pengiktirafan Bersama (MRA) ASEAN mengenai pensijilan orang dalam menyokong pergerakan pekerja mahir secara bebas.

-- BERNAMA